

# Ucapan PM disiarkan secara langsung ke lima negara

BH 27 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Isnin - Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis perasmian Persidangan Menteri Luar Negara-Negara Islam (ICFM) ke-27 esok, akan disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen di lima negara.

Badan penyiar rasmi ICFM, Radio Televisyen Malaysia (RTM), akan memancarkan upacara perasmian persidangan itu menerusi satelit ke Brunei, Filipina, Iran, Turki dan agensi berita televisyen berpangkalan di London, Associated Press Television News (APTN).

Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata lebih 200 wartawan termasuk 58 dari luar negara mendaftar untuk membuat liputan persidangan itu yang bertema Islam dan Globalisasi.

Beliau berkata, kerajaan turut menaja kedatangan 13 wartawan dari beberapa negara Afrika untuk membuat liputan persidangan empat hari itu. Kumpulan itu sudah berada di Kuala Lumpur sejak 21 Jun lalu.

Khalil berkata demikian kepada pemberita selepas melawat pusat media ICFM di Pusat Pameran The Mines di sini, hari ini.

Katanya, wartawan yang membuat liputan persidangan itu akan diberi taklimat harian mengenai perjalanan mesyuarat pada jam 6 petang setiap hari.

Khalil yang berpuas hati dengan persiapan pusat media ICFM, berkata maklum balas yang diterima daripada wartawan negara luar juga menunjukkan mereka berpuas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

Pusat media itu menyediakan kemudahan canggih untuk menghantar berita, gambar dan filem televisyen. Sebanyak 40 komputer disediakan bagi wartawan untuk memproses berita. Bagi wartawan yang tidak begitu mahir dengan teknologi maklumat (IT), mesin taip juga disediakan.

Pusat Media itu berada kira-kira 1.5 kilometer dari Hotel Palace of Golden Horses, tempat berlangsungnya ICFM dan kemudahan pengangkutan bas ulang-alik disediakan.

Pusat itu dikendalikan oleh Kementerian Penerangan yang menerajui Jawatankuasa Kecil Media dan Publisiti ICFM.

Khalil berkata, ini adalah kali pertama ICFM mewujudkan jawatankuasa kecil bagi menyelaras liputan dan publisiti persidangan itu.

Seramai 1,000 delegasi dari 55 negara anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) dijangka menghadiri persidangan empat hari itu. Ia dijangka membincangkan kesan proses globalisasi terhadap negara Islam serta langkah bersama untuk meningkatkan kerjasama antara negara anggota.

Malaysia bercadang mengemukakan syor untuk mencari jalan mewujudkan kerangka baru kewangan antarabangsa untuk negara Islam.

Persidangan itu akan dibahagikan kepada lima sesi, iaitu sidang plenary; politik, komuniti Islam dan minoriti, perundangan dan maklumat; ekonomi dan hal-ehwal sosial; kebudayaan dan hal-ehwal Islam serta pentadbiran dan hal-ehwal kewangan.